# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
14 SEPT 2016
RABU

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
| --- | --- | --- |
| HARIAN METRO | REZEKI KORBAN 25 LEMBU | 2-4 |



# HARIAN METRO



**150** >>Bilangan sukarelawan dari Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia

HARIAN METRO



PESERTA program melapah daging lembu korban.



SUKARELAWAN memasak juadah untuk dihidangkan kepada penduduk di Masjid An-Nur, Taman Cendana, Johor.

# REZEKI KORBAN 25 LEMBU

■ *Program TKHM rai 2,600 golongan kurang bernasib baik di Taman Cendana*

Titipan Kasih Metro

Nur Azimah Nurudin
am@hmetro.com.my

**Pasir Gudang**

Pemilihan lokasi Program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) di Masjid An-Nur, Taman Cendana di sini, semalam dianggap tepat selepas mengambil kira kawasan kejiranan itu yang memiliki sejumlah besar penduduk kurang berkemampuan.

Pengarang Eksekutif (Pengeluaran/BPI) Harian Metro Othman Mamat berkata, pada program itu, kira-kira 3,000 penduduk Taman Cendana termasuk 2,600 golongan kurang bernasib baik diraikan sempena Aidiladha dengan 25 lembu disembelih.

"Penyembelihan 25 lembu ini sebagai simbolik terhadap 25 tahun Harian Metro beroperasi dan sebagai penghargaan kami kepada pembaca setia akhbar ini yang sentiasa memberikan sokongan padu terhadap penerbitannya sejak dulu lagi.

"Kami sedar Johor adalah kubu kuat akhbar ini kerana memiliki pembaca yang ramai. Justeru acara seperti ini membolehkan Harian Metro mendekati mereka, sekali gus mengucapkan terima kasih atas sokongan diberikan selama ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program itu, semalam.

Program TKHM itu dirasmikan Pengarang Kumpulan Harian Metro Datuk Mustapa Omar.

Menurutnya, program itu mendapat kerjasama daripada Takaful Ikhlas Berhad, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM), Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Taman Cendana dan Jawatankuasa Masjid An-Nur Taman Cendana.

"Saya terharu ramai yang datang menjayakan program ini termasuk 150 orang daripada PSSCM, 350 ahli jawatankuasa dan sukarelawan serta penduduk di sekitar kawasan ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Zon Taman Cendana Shamsul Bahrin Ibrahim berkata, pihaknya bersyukur kerana program TKHM berlangsung dengan jaya.

"Saya mewakili penduduk di sini, menzahirkan penghargaan kepada Harian Metro kerana menjadi penyumbang ibadat korban ini.

"Diharap Harian Metro datang lagi membuat program di sini, kami amat mengalu-alukan kehadiran surat khabar ini," katanya.

Menurut Shamsul Bahrin, program berjalan lancar, malah berjaya mengagihkan 2,600 bungkusan daging korban kepada penduduk, sekali gus menjalankan ibadat korban 25 lembu sempena ulang tahun ke-25 akhbar ini.

Katanya, pihaknya menjangkakan dapat mengagihkan daging korban itu kepada 1,400 orang namun selepas program selesai, daging itu diedarkan kepada 2,600 penduduk termasuk keluarga susah.

"Saya juga mengucapkan jutaan penghargaan kepada semua yang sudi membantu, menjayakan dan mendoakan majlis ini berjalan lancar kerana akhirnya ini untuk komuniti di sini, sekali gus mengukuhkan lagi jalinan ukhuwah sesama masyarakat Islam," katanya.



SEORANG penduduk mengambil makanan yang disediakan.



Metro TV

Untuk video layari www.hmetro.com.my/mymetrotv



# HARIAN METRO





Titipan Kasih Harian Metro

PESERTA program melapah daging lembu korban.

PESERTA program bersedia untuk menyembelih lembu pada Program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) di Masjid An-Nur, Taman Cendana, Pasir Gudang, Johor, semalam.

PESERTA program menimbang dan membungkus daging korban.

ORANG ramai menjamu selera dengan juadah yang disediakan.

PENERIMA sumbangan mengambil Kotak Rezeki, semalam.

ORANG ramai beratur untuk mendapatkan daging korban.



# HARIAN METRO



>>Penyembelihan 25 lembu sebagai **simbolik** ulangtahun ke-25 Harian Metro

HARIAN METRO

FOTO: ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN DAN ZULFADLI ZULKIFLI



MUSTAPA (kanan) bersama Othman (dua dari kanan) menyerahkan daging korban kepada penduduk.



PENDUDUK setempat yang hadir menerima Kotak Rezeki.



MUSTAPA (lima dari kanan) bersama Othman (tiga dari kanan) turut serta menumbangkan lembu korban untuk disembelih

## Khidmat sukarela mantapkan jati diri

**Pasir Gudang:** Program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) dan ibadat korban 25 lembu di Masjid An-Nur Taman Cendana di sini, semalam mampu menjadi pemangkin untuk meningkatkan lagi jati diri dan semangat ukhuwah dalam kalangan ahli Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM).

Yang Dipertua PSSCM Johor Sazali Samsudin berkata, pihaknya bangga kerana dapat menabur bakti kepada masyarakat di Taman Cendana menjayakan ibadat korban besar-besaran yang julung kali diadakan di kawasan berkenaan.

"Dalam menjalankan program TKHM ini, ahli silat kami dapat memberikan perkhidmatan secara sukarela kepada komuniti selain memantapkan jati diri mereka, sekali gus mempelajari erti pengorbanan," katanya.

Beliau berkata, seramai 150 pengamal silat turun padang menjayakan ibadat korban sempena Aidiladha dan sambutan ke-25 akhbar Harian Metro.

"Difahamkan, ahli silat ini bukan saja dari Johor, sebaliknya ada yang datang dari Lembah Klang. Ahli silat ini ada yang terdiri daripada penuntut institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

> "Dalam menjalankan program TKHM ini, ahli silat kami dapat memberikan perkhidmatan secara sukarela kepada komuniti selain memantapkan jati diri mereka, sekali gus dapat mempelajari erti pengorbanan"
>
> *Sazali Samsudin*

"Ahli kami ini membantu dari pelbagai aspek.

"Seramai lima orang menjadi tukang sembelih manakala yang lain melakukan kerja-kerja melapah, menimbang dan mengangkut daging sembelihan ke khemah," katanya.

Menurut Sazali, selain itu, ahli silat juga turun melakukan kerja-kerja membersihkan tapak sembelihan seperti menanam perut lembu serta membersihkan darah.

"Pembabitan ahli silat ini sebagai satu cara memperkenalkan silat ini kepada orang ramai supaya ramai yang akan mengikuti persatuan yang mempunyai 80,000 keahlian di seluruh negara," katanya ketika ditemui, semalam.

